# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SELASA 6 OGOS 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3.<br>4. | AGRICULTURE MINISTER: REDUCE IMPORTS AND INCREASE BEEF PRODUCTION TO 30PCT, NEWS, CHINA PRESS -C5<br>SALAHUDDIN MULLS TO INTRODUCE B40 ANIMAL HUSBANDRY PLAN, NEWS, SIN CHEW DAILY -12<br>MESEJ PENTING 6 OGOS, NASIONAL, SINAR HARIAN -12<br>INFO HARI PELADANG, NASIONAL, SINAR HARIAN -12 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 5.<br>6. | FISH FROM AMAZON FOUND DEAD IN KK LAKE, NATION, STAR -11<br>IKAN GERGASI DITEMUI MATI, SETEMPAT, HARIAN METRO -12 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 7.<br>8.<br><br>9. | MAQIS RAMPAS 55KG SOSEJ BABI, NEGARA, KOSMO -15<br>MAQIS RAMPAS 55 KG PRODUK BABI DARI CHINA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -14<br>MAQIS RAMPAS 55KG SOSEJ BABI, NASIONAL, SINAR HARIAN -8 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 10. | GUNA DUA BAKTERIA TINGKAT HASIL KELEDEK, SELANGOR&KL, SINAR HARIAN -31 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 11.<br><br>12.<br>13.<br>14. | UNIMAP TURUN PADANG BANTU PENGUSAHA HARUMANIS, NEWS, SINAR HARIAN -7<br>LEMBU KORBAN MASIH BANYAK, SENTRAL, BERITA HARIAN -62<br>BERTUAH DAPAT LEMBU BERHARGA RM3500, NEGARA, KOSMO – 14<br>HARGA DAGING LEMBU TAK JAUH BEZA BERBANDING TAHUN LALU, SETEMPAT, HARIAN METRO -26 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| Headline | Agriculture minister: Reduce imports and increase beef production to 30pct | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press (Johor) | | |
| Date | 06 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 19,804 |
| Page No | C5 | Readership | 59,412 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 455 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,205 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,614 |



# 農長：減少進口
# 牛肉產量提高至30%

（麻坡5日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育披露，去年我国牛肉总产量达3386.36公吨，牛出栏量为2万3411头。

他说，目前本地出产的牛肉仅占国内市场23%，农业部已设下未来5年内提高至30%，以减少对外国进口牛肉的依赖。

沙拉胡丁昨日参观巴莪卫星养牛场后说，全国7个州属设有16个卫星养牛场，包括柔佛及森州各5个，登嘉楼2个，霹雳、彭亨及吉兰丹各1个。

他补充，政府总共在上述养牛场建造72个牛棚，并交由46个经营业负责经营管理。

## 重推"收入來源計劃"

部长说，柔州5个养牛场分别设在麻坡、昔加末及哥打丁宜县，目前共有20个经营者在21个牛棚饲养牛只。

他指出，占地达1000英亩的巴莪养牛场，仅30%启用及饲养牛只，目前饲养5864只牛，仍有许多发展空间。

沙拉胡丁指出，政府自2011年开始推展卫星养牛场计划，除了提供土地，也提供牛场设备，同时设繁殖场及牧草种植区，以增加本地牛肉的产量。



■柔州兽医局主任艾达（左起）与兽医局总监拿督华查尼查慕丁，陪同沙拉胡丁参观巴莪卫星养牛场。

他提及，为达致提高全国牛肉产量至30%，及打造柔佛成为全国养牛枢纽目标，农业部已计划重新推展"收入来源计划"（program sumber rezeki），鼓励人民参与畜牧业发展事业，尤其是协助B40低收入群体增加收入。

部长披露，政府将派送5头牛或10头羊给相关群体，同时提供养牛技术培训，共同推动牛羊产业发展。

他期许10月份宣布的明年度财政财政预算案，能获拨款的好消息，让计划重新开跑。




■沙拉胡丁阿育（前中）与养牛业者交流。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin mulls to introduce B40 animal husbandry plan | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily (Johor) | | |
| Date | 06 Aug 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 70,157 |
| Page No | 12 | Readership | 210,471 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 166 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,600 |



# 拟推展B40畜牧計劃

## 沙拉胡丁：已申請列預算案

（麻坡5日讯）农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁强调，该部门有意推展B40群体畜牧计划，并已向财政部提呈申请，希望能列入2020年度财政预算案中。



沙拉胡丁（前排右二）在柔佛州兽医局官员的陪同下，巡视巴莪养牛农场。

他说，这是农业部协助B40群体的援助其中一个项目，若得到财政部的批准，从明年起，有意从事畜牧的年轻人，可以向该部门申请饲养5头牛及10只羊作为一个开始。

沙拉胡丁是昨日巡视巴莪卫生农场（ladang satelit）后表示，上述计划除了鼓励年轻人从事畜牧业外，也能增加国家的牛肉及羊肉的产量，减少依赖入口肉类。

### 拟把柔打造为牛肉产地

他说，农业部也有计划把柔佛州打造为主要牛肉盛产地，而单单只饲养牛只根本不足够，而且要学习如何大量繁殖，才能应付本地市场。

他也说，巴莪卫星农场占地1000英亩，政府提供各项养牛设施，目前只有46位畜牧业者在该地区养牛，仍有很大的发展空间。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/8/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# Mesej penting 6 Ogos



Salahuddin melakukan tinjauan semasa lawatan ke projek pilot Padi Pulut Langkawi.

TARIKH keramat 6 Ogos setiap tahun telah diisytiharkan sebagai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) sebagaimana yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein pada majlis pelancaran penubuhan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) pada 13 Ogos 1973.

Pengiktirafan ini telah disuarakan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) yang meminta agar sumbangan peladang kepada negara dihargai dengan memperuntukkan satu hari khusus untuk tujuan ini iaitu Hari Peladang.

Permintaan ini telah diajukan pada majlis Gerakan Pembaharuan yang berlangsung di Dungun, Terengganu pada 6 Ogos 1972. Sambutan Hari Peladang dilihat sangat penting dalam konteks pertanian negara kerana ia menggambarkan penghargaan kerajaan kepada golongan peladang, penternak dan nelayan dalam memastikan proses transformasi sektor pertanian negara sentiasa mengambil kira pembabitan golongan sasar ini.

Bersama Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia, Datuk Mazlan Aliman dan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia, Azulita Salim membawa visi dan misi kerajaan terhadap golongan peladang, penternak dan nelayan.

**Aktiviti**
*(6 Ogos 2019)*

- Pertandingan Memasak Masterchef
- Taklimat Pertanian dan Pemasaran
- 4 x 4 Tour: Road To HPPNK
- Pameran dan Jualan
- Promosi Produk Pertanian
- Persembahan Kebudayaan CakLemPong dan Tarian
- Kempen Pemberian Benih kepada Petani
- Penyampaian Wishlist Peladang kepada YBM
- Pulut kuning 6 Ogos dan teaser HPPNK
- Cabutan bertuah

**Apakah peranan kerajaan bagi memperingati dan mengenang jasa warga peladang, penternak dan nelayan?**

MAZLAN: Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan setiap tahun adalah satu pengiktirafan dan penghormatan kepada warga peladang, penternak dan nelayan seluruh negara. Ini membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap usaha dan jerih payah mereka yang berusaha mengeluarkan bahan makanan dan memajukan sektor pertanian negara kita. Hari Peladang, Penternak dan Nelayan telah kita sambut sebanyak 44 kali. Harapan kerajaan agar berlakunya satu reformasi dalam sektor pertanian dan industri asas tani supaya dikomersialkan dan menjadi sumber pendapatan utama kepada rakyat sekali gus meningkatkan pendapatan negara.

Kerajaan ingin melihat aktiviti pertanian moden yang diusahakan rakyat secara bersepadu dan bersama mampu menjana ekonomi. Dari tahun ke tahun, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) melalui LPP terus bergerak ke hadapan menjadi sektor yang lebih dinamik, inovatif, kompetitif dan menyumbang secara positif kepada ekonomi negara. Ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan industri pertanian yang lestari sebagai pemangkin kemajuan ekonomi serta memberi kesejahteraan rakyat Malaysia. Pada hari ini, kita buat sambutan di tempat yang indah ini sebagai pencetus kepada sambutan yang dibuat di peringkat kawasan dan peringkat negeri dan akhirnya sambutan Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 akan dibuat pada akhir bulan November ini di Johor.



MAZLAN

**Apakah pengisian serta objektif utama penganjurannya?**

AZULITA: LPP akan menganjurkan Perhimpunan Warga Tani Daerah Rembau Sempena Memperingati 6 Ogos Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan pada 6 Ogos 2019 bermula jam 9 pagi hingga 6 petang bertempat di Dewan Agora, Rembau, Negeri Sembilan. Pemilihan kawasan ini sebenarnya sinonim dengan ramainya para petani yang berada di kawasan ini dan akan dirasmikan oleh Menteri, Datuk Salahuddin Ayub. Program ini sebagai satu platform memantapkan sinergi dan kerjasama jabatan/agensi kerajaan dalam memberi perkhidmatan untuk memenuhi keperluan golongan peladang dan orang ramai. Di sinilah tempatnya isu dan masalah didengari untuk membantu golongan sasar ini. Penganjuran program ini juga adalah sebagai pendekatan holistik kementerian dan LPP sendiri yang menawarkan perkhidmatan melalui interaksi dan perhubungan yang mesra, telus, dan cekap bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan.

**Bagaimana meremajakan sektor pertanian kepada warga belia?**

MAZLAN: Sektor pertanian telah berjaya menarik golongan muda. Ini seiring dengan tujuan utama Hari Peladang iaitu untuk meningkatkan perdagangan, meningkatkan penglibatan golongan muda serta memberi kefahaman terhadap bidang pertanian kepada orang ramai. Sehubungan itu MOA telah mewujudkan Program Agropreneur Muda.

Pendekatan program ini untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan berasaskan aktiviti dan industri pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani termasuk pemasaran, khidmat sokongan dan agro pelancongan. Tujuan program ini untuk mengubah persepsi golongan belia terhadap sektor pertanian sebagai industri yang berdaya maju. Meningkatkan pendapatan agropreneur muda melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti, teknologi dan inovasi serta pasaran yang kompetitif.

Pelaksanaan pembangunan usahawan agropreneur muda di dalam sektor pertanian akan menarik minat lebih ramai golongan muda sebagai pelapis supaya industri agromakanan negara berdaya maju. Program ini dijangka mampu meningkatkan pendapatan pengusaha khususnya golongan belia melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti dan harga pasaran yang tinggi.

Pelaksanaan projek ini akan menyokong usaha kerajaan untuk memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi, menepati kehendak pasaran, berkualiti dan selamat dimakan.

Golongan muda merupakan generasi baru yang akan menjadi harapan negara di masa akan datang agar sektor pertanian tetap menjadi sektor pilihan yang boleh menjana pendapatan tinggi dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

**Bagaimana LPP memperkasakan peranan wanita?**

AZULITA: Wanita merupakan aset penting kepada negara. LPP akan memastikan semua wanita mendapat peluang, pengetahuan dan pendedahan supaya mampu bergerak seiring dengan arus perubahan negara melalui pergerakan PeladangNita Kebangsaan. LPP menyambut baik dasar ini dan akan terus memperkasakan wanita dalam pertanian.

Pergerakan Pertubuhan Peladang telah mengangkat peranan wanita dengan menambah baik dasar Pertubuhan Peladang dengan menjadikan wanita sebagai ahli Jemaah Pengarah di semua peringkat pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh Negara.

Peranan wanita telah diangkat untuk bersama-sama memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang dan LPP komited memberikan peluang dalam bidang ini sebagai satu kerjaya pilihan yang boleh memberi pendapatan tinggi dan membantu wanita agar mempunyai keupayaan diri sendiri dalam soal kewangan dan ekonomi diri.

Kumpulan Peladangnita di bawah seliaan Lembaga Pertubuhan Peladang melalui pergerakan Pertubuhan Peladang (PP) merupakan satu kegiatan wanita. Ia merupakan satu kumpulan bagi memudahkan pelaksanaan dan menggiatkan penyertaan daripada kalangan ahli wanita Pertubuhan Peladang.

Melalui penglibatan wanita dalam bidang pertanian, pihak kementerian melalui LPP dapat memenuhi aspirasi untuk menjamin perkongsian yang saksama di antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat serta mengintegrasikan kaum wanita di semua sektor bertujuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/8/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

**Boleh jelaskan mengenai program My Green Team dalam Pergerakan Pertubuhan Peladang?**

**MAZLAN:** Seperti yang dimaklumkan My Green Team ini adalah penjenamaan Projek Kelab Pertanian Sekolah iaitu program kerjasama LPP dengan Kementerian Pendidikan. Program ini adalah baik kerana kita dapat memperkenalkan industri pertanian kepada komuniti seawal sekolah lagi. Sehubungan itu adalah tepat pelancaran diadakan di kawasan sekolah.

LPP memulakan Projek Kelab Pertanian Sekolah ini pada tahun 2016, bermula dengan 50 buah sekolah yang telah dipilih di peringkat fasa pertama dan kedua. Tambahan 20 buah sekolah lagi dilaksanakan di peringkat fasa ketiga. Objektif program ini bertujuan untuk membangkitkan kesedaran generasi muda terutama di peringkat sekolah akan potensi dan kepentingan sektor pertanian kepada negara.

Ia juga memupuk minat di bidang pertanian di peringkat sekolah serta melahirkan kumpulan pelapis kepada sektor pertanian dan meningkatkan penyertaan golongan muda kepada pergerakan pertubuhan peladang.

Fokus program ini adalah dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah yang akhirnya dapat menceburkan diri dalam bidang usahawan tani. Keutamaan adalah kepada sekolah yang mempunyai kurikulum pendidikan pertanian dan sekolah yang berminat untuk mewujudkan kelab ini.

Hasil daripada program ini akan dapat memupuk minat guru, murid dan ibu bapa untuk menjalankan aktiviti pertanian. Ia juga dapat memberi pulangan kepada Kelab Pertanian Sekolah melalui jualan hasil tanaman. Selain mampu merapatkan hubungan di antara pihak sekolah dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), ia dapat merealisasikan Program Meremajakan Pertubuhan Peladang (PP).

**Padi Pulut Langkawi menjadi sebutan baru-baru ini, bagaimana LPP melihat perkara ini?**

**AZULITA:** Kawasan tanaman padi di Langkawi adalah seluas 2,711 hektar dengan sesetengah kawasan berupaya diusahakan dua kali setahun dengan anggaran pengeluaran hasil padi berjumlah 10,000 m/tan setahun. Kawasan di sini berpotensi untuk dimajukan dengan pelbagai jenis tanaman dek kerana tanahnya yang subur. YAB Perdana Menteri menyatakan hasrat mahu melihat pulau itu menjadi pengeluar beras pulut terbesar negara. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, beberapa kawasan telah dikenal pasti akan dimajukan dengan tanaman padi pulut. Usaha ini dijangka dapat mengurangkan import padi dari negara Thailand dan Vietnam dan seterusnya meningkatkan tahap ekonomi penduduk di Langkawi ini. Sekali gus akan menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Langkawi.

Projek perintis dicadangkan dilaksanakan selama 3 tahun iaitu sehingga tahun 2022. Projek Pembangunan Penanaman Padi Pulut ini meliputi Pembangunan Ladang Benih, Pembangunan Tapak Semaian dan Pembangunan Penanaman Padi Pulut Secara Pengurusan Mini Estet. Projek ini akan di laksanakan oleh LPP melalui PPK Langkawi secara pengurusan mini estet padi manakala Mardi dan Jabatan Pertanian akan menyediakan benih padi pulut tersebut. Benih padi pulut yang sah adalah penting bagi memastikan hasil yang dikeluarkan adalah tinggi. Keupayaan PPK Langkawi melaksanakan projek ini mengambil kira pengalaman PPK mengusahakan 1,257 hektar projek mini estet padi iaitu PPK sebagai agen pengurusan sehingga dikumpulkan di Pusat Pengumpulan untuk dihantar ke kilang. Selain itu, PPK juga menguruskan keperluan traktor dan jentuai untuk membajak dan menuai hasil melalui PPN (Jentera) Kedah dan tuaian pertama dijangka dalam pertengahan November ini.



Salahuddin ketika sesi lawatannya di projek udang Kara PPK Putatan, Sabah.

**Boleh kongsi bagaimana pelaksanaan program dwi tahunan pada tahun ini?**

**MAZLAN:** Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan diadakan sebagai penghargaan kerajaan terhadap sumbangan golongan itu dalam pembangunan industri pertanian negara. Pelaksanaan HPPNK 2019 bakal diadakan sekitar bulan November di Plaza Angsana, Johor Bharu. HPPNK pada kali ini melibatkan Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama MOA, manakala LPP dilantik sebagai pelaksana program dan majlis ini akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri.

Pada perancangan awal, program ini dicadangkan dilaksanakan selama empat hari supaya memberi impak kepada kumpulan sasar dan menepati kehendak 'stake holder'. Di samping itu, program ini dijangka memberi peluang kepada penglibatan peladang, penternak dan nelayan dari seluruh negara.

12 komponen dicadangkan untuk dilaksanakan sebagai pengisian program iaitu anugerah pertandingan HPPNK, konvensyen/seminar HPPNK 2019, showcase agroteknologi, agrotrip, agro kulinari, forum perdana ehwal Islam, pameran & jualan, kolaboratif program/majlis, agro youth camp, kewangan, promosi dan rakan strategik. Pada setiap kali penganjuran HPPNK, Pertandingan Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan akan diadakan. Bermula tahun 2017, pertandingan ini diadakan dalam tempoh dua tahun sekali. Justeru, pada tahun 2019, pertandingan ini akan diadakan dengan 13 kategori yang dipertandingkan.

Pemenang kategori-kategori ini akan diumumkan semasa HPPNK, manakala satu kategori pemenang dalam kalangan 13 penerima anugerah iaitu anugerah perdana, dicadangkan diumumkan semasa MAHA iaitu berselang seli dengan tahun HPPNK diadakan.



AZULITA

**Apakah harapan dalam melihat kemajuan peladang dan sambutan HPPNK kali ini?**

**AZULITA:** Saya percaya, penganjuran HPPNK setiap tahun dapat memberikan semangat kepada golongan petani, penternak dan nelayan negara kerana ini merupakan tanda penghargaan kepada mereka yang telah berkecimpung dalam bidang pertanian

Dengan menampilkan pelbagai pengisian pada HPPNK pada tahun ini, saya pasti ia mampu menarik lebih ramai pengunjung selain pelancong. seterusnya LPP berharap akan dapat memberi peluang industri kepada usahawan-usahawan tani untuk berkongsi idea di samping memberi manfaat kepada mereka yang mula berjinak-jinak dalam bidang pertanian.

Kita juga berhasrat melahirkan Agropreneur Muda supaya masyarakat peladang, penternak dan nelayan berjaya menukar mindset tradisional kepada lebih moden dengan mempraktikkan amalan pertanian baik yang merupakan kunci kejayaan kepada golongan peladang, penternak dan nelayan berpendapatan tinggi.



Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin ke ladang Strawberi PPK Cameron Highlands.

### Info Hari Peladang

- Perayaan Hari Peladang Kebangsaan pertama kali diadakan di pekarangan Bangunan Parlimen pada 6 Ogos 1975 dengan tema Perpaduan Peladang-peladang Penting Kepada Kestabilan Negara dan dirasmikan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak sendiri.
- Nama perayaan Hari Peladang kekal sehingga 1982, seterusnya pada 1983 dengan penglibatan golongan nelayan, nama Hari
- Peladang diubah kepada Hari Peladang dan Nelayan (1983 hingga 1987).
- Pada 1988, ia ditukar sekali lagi kepada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan dengan penyertaan golongan penternak dan ia kekal sehingga kini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/8/2019 | STAR | NATION | 11 |



**Hard to believe:** Visitors at the lake taking photos of their unexpected 'catch'.

# Fish from Amazon found dead in KK lake

By STEPHANIE LEE
newsdesk@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** A huge fish weighing more than 100kg was found floating in the Tun Fuad Stephens lake in Bukit Padang near here.

It drew the attention and excitement among the public and anglers.

The 108kg fish measuring about 2.4m in length, was identified as Arapaima, a native of the Amazon River.

It was discovered by joggers at about 6.30am yesterday.

A photo of the fish, which was widely circulated on social media, peaked the interests of locals asking whether the once protected lake was now open for fishing.

Mayor Datuk Nordin Siman said the park was still under City Hall management and no one was allowed to fish at the lake.

"The fish was already dead when joggers spotted it, and we sent people to check," he said.

He added that officials from the Fisheries Department and Universiti Malaysia Sabah research team will find out the cause of its death.

For now, they believe it could be due to old age.

Asked how a fish from a species that originates from the Amazon ended up in the lake, Nordin said a fish breeder might have released it in there years ago as the person could no longer take care of it.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/8/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 12 |

# Ikan gergasi ditemui mati





KELIBAT ikan sepanjang lebih dua meter yang ditemui terapung di tasik Taman Rekreasi Tun Fuad Stephen, Bukit Padang, Kota Kinabalu menarik perhatian ramai pengunjung. Ikan air tawar yang dipercayai dari jenis Arapaima seberat 108 kilogram itu dipercayai sudah mati sejak beberapa hari lalu berikutan keadaannya yang sudah mula mereput. Datuk Bandar Kota Kinabalu Datuk Nordin Siman berkata, ikan berkenaan difahamkan berasal dari negara Amerika Selatan seperti Brazil. Katanya, sebaik dimaklumkan mengenai penemuan ikan itu, pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) segera menghubungi Jabatan Perikanan Negeri Sabah dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk tindakan selanjutnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/8/2019 | KOSMO | NEGARA | 15 |

# Maqis rampas 55kg sosej babi

**PUTRAJAYA** – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya merampas sosej babi seberat 35 kilogram (kg) dan 20kg menerusi dua tangkapan berbeza di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2, Sepang dekat sini pada 28 dan 31 Julai lalu.

Maqis dalam satu kenyataan berkata, rampasan dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia itu masing-masing dibuat ke atas dua warga tempatan yang pulang dari negara China.

"Hasil pemeriksaan pada pukul 6 petang di balai ketibaan antarabangsa KLIA pada 28 Julai lalu menemui 20 pek sosej babi seberat 20kg dalam satu bagasi seorang warga tempatan dari China.

"Kes kedua melibatkan rampasan 35kg sosej babi dibalut plastik dalam tiga buah beg berasingan ketika pemeriksaan pukul 6 pagi ke atas bungkusan dari China yang dibawa masuk oleh seorang warga tempatan," katanya di sini semalam.




SEBAHAGIAN sosej babi yang dirampas oleh pihak Maqis di KLIA 2, Sepang pada 31 Julai lalu.

Maqis memberitahu, bungkusan tersebut dirampas dan akan dilupuskan mengikut prosedur yang telah ditetapkan bertujuan bagi mencegah penularan virus Africa Swine Fever (ASF).

Menurutnya, kerajaan juga telah mengeluarkan arahan larangan pengimportan daging babi serta produk babi dari negara yang mengalami wabak penyakit ASF yang dibawa oleh penumpang menerusi laluan udara, darat serta laut.

Sementara itu, Pengarah Maqis Negeri Selangor, Dr. Tarmisal Alimin berkata, perbuatan mengimport tanpa permit sah daripada jabatan itu adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11 (1), Akta Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11 (3), akta sama.

Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/8/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 14 |

# MAQIS rampas 55kg produk babi dari China

**SEPANG 5 Ogos** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah merampas sebanyak 55 kilogram (kg) produk babi yang dibawa masuk tanpa permit dari China di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), minggu lalu.



TARMISAL ALIMIN

Menurut Pengarah MAQIS Selangor, Dr. Tarmisal Alimin, rampasan pertama dilakukan pada 31 Julai lalu membabitkan sebanyak 35 kg produk babi iaitu sosej babi dari China di Balai Ketibaan Antarabangsa, KLIA2.

"Produk babi berkenaan dibawa masuk oleh seorang warga tempatan dan telah ditahan sekitar pukul 6 pagi oleh pegawai penguat kuasa MAQIS yang bertugas. Berdasarkan pemeriksaan, produk babi itu diletakkan dalam tiga beg berasingan," jelasnya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata, terdahulu, sebanyak 20kg produk sama yang dimuatkan dalam sebuah bagasi, telah dirampas oleh pegawai penguatkuasa di Balai ketibaan antarabangsa KLIA kira-kira pukul 6 petang, 28 Julai lalu.

"Konsainan itu telah dirampas oleh pihak MAQIS dan akan dilupuskan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Ia bertujuan mencegah penularan virus *Africa Swine Fever* (ASF) yang akan memberi impak negatif sekiranya virus tersebut memasuki dalam negara," jelasnya.

Jelas Tarmisal, kerajaan telah mengeluarkan arahan larangan membawa masuk dan pengimportan daging babi dan produk babi dari negara yang mengalami wabak ASF secara *hand carry* oleh penumpang di laluan udara, darat serta laut.

Antara produk yang berisiko dalam penularan virus ASF adalah babi hidup, daging babi segar, babi sejuk beku, produk babi dalam tin dan daging diproses seperti sosej dan sebagainya.

"Penumpang yang melanggar peraturan itu akan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," tambah beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/8/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Maqis rampas 55kg sosej babi

*Produk cuba dibawa masuk dari negara China*

AZIE YAHAYA

SEPANG

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya merampas produk makanan berasaskan daging babi.

Rampasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA 1) dan KLIA 2 pada 28 dan 31 Julai itu melibatkan 55 kilogram (kg) sosej babi dari negara China.

Maqis dalam satu kenyataan berkata, rampasan itu dibuat secara berasingan ke atas dua lelaki warga tempatan ketika pemeriksaan bagasi dilakukan oleh pegawai penguatkuasa di laluan antarabangsa KLIA.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, kerajaan telah mengeluarkan larangan membawa masuk dan pengimportan daging babi dan produk babi dari negara yang mengalami wabak penyakit Africa Swine Fever (ASF).

Antara produk yang berisiko dalam penularan virus ASF ialah seperti babi hidup, daging babi segar, babi sejuk beku, produk babi dalam tin dan produk daging babi proses seperti sosej dan sebagainya.



Produk berasaskan daging babi yang berjaya dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia di KLIA 1 dan 2 pada hujung bulan lalu.

Menurut kenyataan itu, ia bagi mencegah penularan ASF yang akan memberi impak negatif sekiranya virus tersebut memasuki dalam negara.

"Mana-mana penumpang yang melanggar peraturan itu akan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Akta 728) yang boleh dihukum dibawah Seksyen 11(3), Akta yang sama.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya," kata kenyataan itu.

Justeru, pihak Maqis sentiasa memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan mematuhi aspek kesihatan manusia serta mengawal kemasukan penyakit yang boleh mengancam industri penternakan dan makanan di Malaysia.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Guna dua bakteria tingkat hasil keledek | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 06 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 140,000 |
| Page No | 31 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 199 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,219 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,656 |



# Guna dua bakteria tingkat hasil keledek

**KOTA BHARU** - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) dijangka memperkenalkan dua jenis bakteria baik iaitu 'endophyte' dan 'rhizosfera' untuk meningkatkan kualiti tanaman keledek di negeri ini.

Pengerusinya, Datuk Husam Musa berkata, sebagai contoh keledek manis Jepun bukan bergantung kepada bakanya sahaja namun kualiti ditingkatkan.

Menurutnya, Kada berhasrat bekerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) bagi membawa bakteria itu ke Kelantan.

"Kita harap Mardi dapat membantu usaha ini bagi meningkatkan kualiti keledek," katanya.

Husam juga mahu mengetengahkan produk jeruk salak.

Menurutnya, ramai penanam salak menebang pokok itu kerana tidak tahu kaedah mengkormersialkan buahnya.

"Jeruk cara Indonesia diolah lebih baik dan menarik. Jadi kalau boleh kita pelajari teknologi jeruk salak mereka," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Teknikal Mardi - Kada semalam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Nor berkata, Mardi sedia bekerjasama dengan institut teknologi di Bandung bagi mengenal pasti jenis bakteria atau kulat yang sesuai.

Katanya, bakteria itu mungkin boleh dicari di negara ini jika dapat dikenal pasti.



**Husam (tengah) bersama Mohamad Roff (tiga dari kiri) dan peserta Seminar Teknikal Mardi-Kada di Kota Bharu semalam.**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | UniMAP turun padang bantu pengusaha harumanis | | |
| MediaTitle | Sinar Harian(www.sinarharian.com.my) | | |
| Date | 06 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 7 | Readership | 4 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# UniMAP turun padang bantu pengusaha harumanis

Uda (duduk tiga dari kanan) bergambar bersama peserta dialog harumanis bersama UniMAP di INSAT, Sungai Chuchuh, Padang Besar kelmarin.
PADANG BESAR - Pengusaha tanaman harumanis Perlis tidak perlu lagi gusar apabila Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) me...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/8/2019 | BERITA HARIAN | SENTRAL | 62 |

# Lembu korban masih banyak

## Penternak kecil-kecilan mengeluh kurang permintaan

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.my

**Alor Gajah:** Penternak lembu kecil-kecilan mengeluh berikutan kemerosotan permintaan haiwan itu berbanding tahun lalu, menjelang sambutan Aidiladha yang dijangka Ahad ini.

Tinjauan *BH* di beberapa kandang lembu di sekitar Masjid Tanah di sini, semalam mendapati kebanyakan penternak mengakui tempahan lembu khusus bagi ibadah korban berkurangan.

Mohd Raja Sainal, 44, berkata lapan lembu ternakannya ditempah bagi persediaan sambutan ibadah korban pada Ahad ini, berbanding 13 pada tahun lalu.

"Faktor ekonomi semasa mungkin menjadi sebab kurangnya tempahan lembu, malah bukan saya saja yang hadapi keadaan ini, penternak lain di sekitar Masjid Tanah turut menghadapi masalah sama.

"Tahun lalu saya menerima tempahan 13 lembu berharga antara RM4,300 hingga RM4,800 seekor bagi korban berkelompok manakala tempahan individu berharga lebih RM5,000," katanya ketika ditemui di kandang lembunya di Kampung Ayer Hitam Darat, Masjid Tanah, dekat sini.

Abdullah Idris, 69, berkata setakat ini beliau belum menerima sebarang tempahan lembu berbanding berjaya menjual empat ekor lembu pada tahun lalu.

"Saya ada 20 lembu sekarang tetapi yang layak untuk dijadikan korban hanyalah lima, namun setakat ini saya belum menerima apa-apa tempahan.

"Kemungkinan besar tidak ramai orang mahu berkorban tahun ini kerana faktor kewangan, di mana mungkin ada keperluan lain yang lebih penting," katanya.

Abdullah bagaimanapun tetap yakin rezeki Allah SWT yang luas, sekali gus mampu menjual lembunya untuk dijadikan sebagai haiwan sembelihan menjelang fajar 10 Zulhijjah kelak.



***Abdullah membersihkan lembunya** walaupun masih belum menerima tempahan lembu korban di Masjid Tanah.*
[Foto Hassan Omar]

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/8/2019 | KOSMO | NEGARA | 14 |

# Bertuah dapat lembu berharga RM3,500

**PASIR PUTEH** – Seorang pesara tentera tidak menduga sekeping kertas cabutan bertuah bernombor 597 membawa rezeki seekor lembu jantan bernilai RM3,500 pada hari terakhir Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kelantan (HPPNK) di Pantai Bisikan Bayu di sini kelmarin.



Mat Yaakub Mat Jusoh (**gambar**), 57, menjadi pengunjung bertuah apabila memenangi hadiah utama cabutan yang diadakan sempena program lima hari yang berlangsung sejak Rabu lalu.

Menurutnya, rezeki itu adalah satu ketentuan kerana kesetiaannya bersama keluarga yang sentiasa mengunjungi tapak HPPNK sepanjang tempoh lima hari diadakan di pantai berkenaan.

"Saya akan memelihara lembu ini sebagai baka pejantan lembu kampung dan tidak bercadang untuk dikorbankan pada hari raya Aidiladha nanti.

"Untuk ibadah korban, saya sudah mempunyai seekor lembu lain daripada hasil menternak yang dijalankan secara kecil-kecilan," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Bukit Gaal di sini semalam.

Mat Yaakub berkata, dia mengusahakan kebun buahan dan menternak lembu selepas bersara daripada perkhidmatan tentera sejak lebih 16 tahun lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/8/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 26 |

# Harga daging lembu tak jauh beza berbanding tahun lalu

**Kuala Lumpur:** Harga ternakan lembu untuk ibadah korban sempena Aidiladha di seluruh negara masih tidak banyak berbeza daripada tahun lalu iaitu sekitar RM3,500 hingga RM5,000 seekor.

Tinjauan Harian Metro di beberapa negeri turut mendapati harga pasaran semasa ternakan itu bergantung kepada berat dan gred manakala bagi kambing, sekitar RM800 seekor untuk gred C dengan berat antara 25 hingga 30 kilogram (kg), gred B (31 hingga 35kg) RM900, gred A (36 hingga 40kg) RM1,000 dan gred AA (41 hingga 45kg) RM1,100 seekor.

**FAKTA**
Harga ternakan akan meningkat jika terdapat serangan penyakit atau bekalan berkurangan

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Perlis Nurulhisham Yaakob berkata, harga tidak berubah iaitu antara RM4,000 hingga RM5,000 seekor memandangkan bekalan ternakan itu masih mencukupi untuk menampung permintaan sepanjang Aidiladha.

Kata Nurulhisham, Perlis misalnya, sudah menyediakan bekalan ternakan itu sejak beberapa bulan sebelum ini dan ia sentiasa ditambah dari semasa ke semasa.

"Bekalan kami mencukupi, jadi tiada isu mengenai harga ternakan lembu atau kambing yang dikatakan meningkat.

"Harga ternakan hanya akan meningkat jika terdapat serangan penyakit atau bekalan yang berkurangan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.



TINJAUAN di beberapa negeri mendapati harga pasaran semasa daging bergantung kepada berat dan gred.

Di Terengganu, Pengerusi Persatuan Ruminan Negeri Terengganu (PPRNT) Mohd Amirul Ibrahim berkata, harga semasa ternakan lembu di negeri itu masih sama iaitu antara RM3,500 hingga RM5,000 seekor.

Katanya, meskipun bekalan di negeri itu tidak mencukupi untuk Aidiladha namun pihak PPRNT mengambil inisiatif mengimport lembu dari Pahang dan Thailand sejak empat bulan lalu.

"Kami memiliki seramai 280 ahli, tetapi permintaan yang tinggi setiap kali Aidiladha menyebabkan persatuan perlu mengimport lembu dari luar.

"Apapun, harga ternakan itu di Terengganu ketika ini masih terkawal dan tidak jauh bezanya dari tahun lalu," katanya.